



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 10 NOVEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	'CAPAI 100 PERATUS KADAR SARA DIRI MUSTAHIL', NASIONAL, BH-17 MUSTAHIL CAPAI 100 PERATUS SSR, TAPI MAKANAN NEGARA TERJAMIN, DALAM NEGERI, UM-11 MAT SABU: IMPOSSIBLE TO ACHIEVE 100% SELF-SUFFICIENCY IN FOOD, NATION, SINCHAW DAILY-6 236 LOKASI STRATEGIK PROGRAM JAM, NEGERI,SH-27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5.	AGRO MADANI SALES RECORD SALES OF MORE THAN RM60MIL, BEFORE SEVEN MILLION HOUSEHOLD, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A2.	LEMBAGA PEMASARAN PERSEKUTUAN FAMA(FAMA)
6.	AGROBANK LANCAR PENJAJA CASHLESS, EKONOMI, UM-36	AGROBANK
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	KAMBING THAILAND JEJAS PASARAN TEMPATAN, NASIONAL, MS-19 KAMBING THAI RM250 SEEKOR "KACAU" PASARAN, LOKAL, HM-18 TANAH JERLUS, PETANI DAKWA RUGI RM100,000 PADI GAGAL DITUAI, DALAM NEGERI, UM-30 PESAWAH MUNGKIN TIDAK TANAM PADI, DALAM NEGERI,UM-31 WEE KA SIONG: JOHOR CHICKEN BREEDING FARM OWNERS YET TO OBTAIN SUBSIDY, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU-B2 PONTIAN FISHERMAN SHOWCASE THEIR LIFESTYLE TO EARN EXTRA INCOME, METRO, THE STAR-5 CHICKEN PRICES DROPPED HOWEVER SALES NOT UP, CENTRAL, CHINA PRESS-C1	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	'Capai 100 peratus kadar sara diri mustahil'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	17	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	395 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,390



'Capai 100 peratus kadar sara diri mustahil'

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan adalah mustahil untuk mana-mana negara, termasuk Malaysia untuk mencapai 100 peratus kadar sara diri (SSR).

Katanya, ini kerana sesetengah komoditi tidak dapat dihasilkan secara domestik atas beberapa faktor, termasuk tidak ekonomik, perbezaan iklim dan kekangan sumber tanah.

Secara umum, beliau berkata, SSR bukan indikator tunggal yang menentukan tahap keterjaminan makanan negara, sebaliknya ia diukur berdasarkan empat dimensi keterjaminan makanan digariskan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampunan.

"Kalau kita kata hendak mencapai 100 peratus SSR, mana-mana negara pun tidak berupaya di atas muka bumi ini. Jangan terkeliru SSR dengan keterjaminan makanan.

"Apa yang penting, keselamatan makanan itu ada dan usaha untuk ia dikeluarkan secara tempatan... itu perlu ditumpukan.

"Jadi, untuk mencapai 100 peratus SSR ini tidak boleh, yang boleh diusahakan ialah semaksimum mungkin. Alhamdulillah, kerajaan negeri termasuk bukan bawah Kerajaan Perpaduan juga memberi kerjasama," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Zulkaferi Hanapi (PN-

Tanjong Karang) mengenai kesediaan serta kesungguhan Kementerian mengubah dasar pertanian dan penternakan negara untuk memastikan 100 peratus SSR bagi barangan asas.

Mohamad memberikan contoh, antara lain bekalan ayam kini telah stabil, manakala bekalan telur ke arah stabil dan bagi beras pula, kerajaan sudah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan bekalan-nya mencukupi.

"Harga import beras dulu agak murah, maka tumpuan untuk mencukupkan bekalan beras itu bukan keutamaan. Namun, apabila berlaku kejutan eksport dari India yang tergendala, kita perlu berusaha mencukupkan bekalan beras itu.

"Alhamdulillah, kerjasama kerajaan negeri cukup memberangsangkan dan sawah padi perlu dipertingkatkan hasilnya, selain kajian dijalankan MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia), SIRIM dan universiti bagi tujuan itu.

"Tidak boleh lagi empat ke lima tan (pengeluaran beras) untuk satu hektar sawah. Sekarang kita perlu usaha sekurang-kurangnya tujuh tan untuk satu hektar ke arah mencukupkan bekalan beras dan pada 2030, kita cuba mencapai kadar 80 peratus SSR," katanya.

Tambah kawasan baharu sawah

Menjawab soalan tambahan Zulkaferi sama ada Kementerian bersedia menambah keluasan sawah padi negara dari hanya kurang 50,000 hektar ketika ini



Mohamad pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

kepada satu juta hektar dalam masa lima tahun pula, Mohamad berkata, beberapa kawasan baharu sawah padi sedang diusahakan, antaranya di Pahang, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, usaha itu bukan sahaja membabitkan Kementerian, tetapi juga agensi kerajaan lain, selain mahu pihak swasta turut serta, di samping

berunding untuk mendapatkan bekalan dari luar jika berlaku sesuatu di luar jangkaan.

"Jadi, kena berusahalah. Kita tidak bolehlah bercakap, masa saya pembangkang dulu, saya bercakap lebih banyak lagi, tetapi hendak buat bukanlah senang. Insyallah, saya tidak akan jadi pembangkang semula," katanya.

Headline	Mustahil capai 100 peratus SSR, tapi makanan negara terjamin		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	11	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	OMAR ZIN	AdValue	RM 15,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,967



Mustahil capai 100 peratus SSR, tapi makanan negara terjamin

Oleh **OMAR ZIN**
 utusannews@mediamuka.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan mampu mencapai 100 peratus kadar sara diri (SSR) bagi memenuhi keperluan domestik melalui pengeluaran tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia bukan sahaja tidak mampu dicapai oleh Malaysia tetapi juga mana-mana negara lain.

"Nak mencapai SSR 100 peratus ini tak mungkin, mustahil. Mana nak tanam gandum, kacang soya, jagung? Macam mana nak dapatkannya dengan harga murah dan sesuai? Setakat ini ada ditanam di Perlis tetapi di dapati bila dah dapat hasil, ia lebih mahal daripada diimport.

"Kalau nak capai 100 peratus, mana-mana negara pun tak berupaya di atas muka bumi ini,



MOHAMAD Sabu ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam. - **JABATAN PENERANGAN**

tetapi SSR bukanlah indikator tunggal yang menentukan tahap keterjaminan makanan negara," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Sebaliknya kata beliau, pengukuran terhadap keterjaminan makanan negara menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah berdasar-

kan kepada ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampuan.

"Misalnya di ASEAN, negara paling keterjaminan makanan ada pada Singapura kerana dia boleh dapatkan segala bentuk makanan, dia ada pelaburan dan sebagainya, oleh itu jangan kita terkeliru antara SSR dengan keterjaminan makanan.

"Yang penting makanan itu ada, usaha untuk keluarkan makanan secara tempatan perlu ditumpukan," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr. Zulkafperi Hanapi (PN-Tanjong Karang) mengenai ketersediaan dan kesungguhan pihak kementerian dalam mengubah dasar pertanian dan penternakan negara bagi memastikan 100 peratus SSR untuk barang-barang asas seperti beras, daging, ayam, ikan dan telur ayam serta usaha, polisi, penyelidikan, insentif dan geran terarah

kepada capaian tersebut.

Mohamad Sabu juga memberi contoh bagaimana bekalan ayam dan telur semakin stabil namun usaha menangani isu bekalan beras perlu dibuat dalam jangka panjang.

"Ia telah diusahakan kerajaan-kerajaan terdahulu, bukan tak usahakan tapi waktu itu harga import agak murah maka tumpuan untuk mencukupkan beras tidak menjadi keutamaan tapi sekarang berlaku kejutan eksport beras daripada India agak tergendala.

"Maka kita kena berusaha untuk mencukupkan beras, ini sedang diusahakan, alhamdulillah kerjasama dengan kerajaan negeri cukup memberangsangkan terutama dari Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak," katanya.

Namun beliau akui, pengeluaran sawah padi sedia ada perlu dipertingkatkan hasilnya.

Headline	Mat Sabu: Impossible to achieve 100% self-sufficiency in food		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	10 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	110 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,939



末沙布：受氣候土地等限制 馬糧產無法自給自足

（吉隆坡9日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布坦言，我国无法通过本地农产品来实现100%的自供自给率（SSR）。

他今日在国会下议院回答土团党丹绒加弄区国会议员拿督祖卡佩里的提问时说，本地农产品面对经济可行性、气候差异和土地资源的限制。

他表示，这个情况不只是发生在大马，其他国家也一样难以实现100%自供自给率。

“想要达到100%自供自给率是不可能的，如何种植小麦、大豆、玉

米？如何以便宜且合适的价格取得？截至目前，在玻璃市种植农作物，但收成时却比进口时还要贵。”

他说，自供自给率并不是决定一个国家粮食安全水平的唯一指标。

另一方面，莫哈末沙布表示，联合国衡量国家粮食安全的标准是可用性、可取得、使用性、稳定性及能力。

他举例，在东盟国家中，新加坡的粮食最安全，因为新加坡可获得各种粮食，而且也有投资。

他说，我国放眼在2030年实现80%的自供自给率，并尽可能与国盟执政的州政府合作，以增加国家收入。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2023	SINAR	NEGERI	27

236 lokasi strategik program JAM

KPKM sedia akses bahan makanan segar, harga berpatutan untuk rakyat

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited membantu rakyat untuk mendapatkan bekalan makanan segar dengan meneruskan program Jualan Agro MADANI di 236 lokasi di seluruh negara.

Program Jualan Agro MADANI (JAM) diadakan di lokasi-lokasi strategik seperti di kompleks kerajaan, outlet peruncitan agensi KPKM, sekitar kawasan perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), kawasan bandar dan pinggir bandar.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, program JAM akan bermula 1 hingga 14 November ini bermula jam 8 pagi sehingga 1 petang di lokasi awam manakala di perkarangan Kementerian Agensi-Agensi Kerajaan bermula jam 12 tengah hari hingga 2 petang.

"Program bermanfaat tersebut dianjurkan di lokasi terpilih di setiap negeri antaranya sebanyak tujuh lokasi di Perlis, 23 lokasi masing-masing di Kedah dan Pulau Pinang diikuti 17 lokasi di Perak, 18 lokasi di Pahang dan 27 lokasi di Johor," kata KPKM dalam kenyataan itu.

Selain mengadakan jualan ayam segar, JAM turut diperluaskan di 14 lokasi di Negeri Sembilan, Melaka (18 lokasi), Terengganu (24 lokasi), Kelantan (11



Program JAM diadakan di kawasan Kementerian atau agensi bermula jam 12 tengah hari hingga 2 petang.

lokasi), Selangor (20 lokasi) dan 24 lokasi masing-masing di Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur serta enam lokasi di Sabah dan empat lokasi di Sarawak.

Di samping membuka akses kepada rakyat mendapatkan bekalan makanan segar, JAM turut membantu para usahawan menjana pendapatan yang lumayan.

Tambah KPKM, berdasarkan laporan sebelum ini, JAM merekodkan jualan yang tinggi dengan penyertaan ramai para usahawan di setiap lokasi. Rekod tersebut membuktikan JAM berjaya mencapai matlamat yang disasarkan.

Malah, KPKM turut berhasrat untuk menganjurkan JAM di 5,000 lokasi menjelang tahun 2024.

30 peratus penjimatan

Meskipun program itu telah

menjual barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit, barang kawalan dan keperluan asas terpilih.

Sementara itu, JAM turut disertai peserta Program Ladang Kontrak, Usahawan Bimbingan Kerajaan, Pengilang atau Pemproses Produk Agromakanan.

Program JAM adalah penjenamaan semula Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang dilaksanakan oleh KPKM menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh negara.

Ia dianjurkan bertujuan untuk membantu rakyat mendapatkan bekalan produk segar dengan mudah pada harga berpatutan kepada pengguna melalui pengurangan lapisan perantara pasaran.

“Di samping membuka akses kepada rakyat mendapatkan bekalan makanan segar, JAM turut membantu para usahawan menjana pendapatan yang lumayan.”

dilaksanakan beberapa bulan lepas, potensi jualan yang memberangsangkan membuktikan JAM menjadi pilihan dan tumpuan utama rakyat untuk membeli barangan makanan yang menawarkan penjimatan 10 hingga 30 peratus harga berbanding di pasaran biasa.

Menariknya, program JAM itu menjadi tumpuan sebagai pusat sehati yang

Seorang pengunjung tidak melepaskan peluang mencuba kerepek yang dijual oleh usahawan tempatan sempena JAM.



Seorang pengguna melihat sayur-sayuran yang segar dijual di JAM.



Seorang pengguna memilih bawang yang dijual dengan harga berpatutan sempena program JAM.



Program JAM turut melibatkan usahawan tempatan memasarkan hasil tanaman mereka.



Headline	Agro Madani Sales record sales of more than RM60mil, benefit seven million households		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	10 Nov 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	223 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,689
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,067



销售额破6千万 昌明农业市集惠700万户

(吉隆坡 9 日讯) 被视为“快速致赢”的昌明农业市集 (Jualan Agro Madani) 今年在全国 3569 个地点展开, 达致目标的 71%, 总销售额突破 6000 万令吉, 当局估计逾 700 万户家庭受惠。

吸引5.4万企业参与

全国巡回举办的昌明农业市集共吸引了高达 5 万 4300 名企业参与, 超过了当局原订的 4 万 6000 名企业目标。

农业及粮食安全部昨日发文告说, 这项农业计划是通过相关部门和机构协办, 如联邦农业营销局 (FAMA)、农民组织局 (LPP) 和渔业发展局 (LKIM)。

该部说, 昌明农业市集被视为本部门协助生产商直接向消费者推销产品的“速赢”计划之一。

这市集直接帮助降低人们的生活成本, 尤其是特选食品价, 比市

场价低 10 至 30%。

“本部今年成功在全国 3569 个地点举办, 达到计划目标的 71%, 其中在全国政府大楼举办了 401 场、高密度住宅区举办了 926 场, 以及在全国 2242 个 FAMA 零售店举办。”

该部说, 该市集促销活动的其中最大特色是精选新鲜农产品, 如蔬菜、水果、鸡肉、鸡蛋、鱼、糖和食油, 以及“昌明组合”促销。此外, 促销活动中也推出欢乐时光购物乐; 客服柜台、企业家咨询、指导服务和农业图标。

该部也表明重点关注粮食安全、供应充足、生活成本增加的问题和挑战。

“为了解决此问题, 本部采取多项举措, 包括从农民直接认购新鲜农产品营销服务 (或称 i-BELA) 的回购计划, 以及最新的昌明农业市集, 旨在提供优惠价给消费者。”

怡保今办农民、畜牧和渔民日

2023 年全国农民、畜牧业者和渔民日 (HPPNK) 将于明日至周日 (10 至 12 日), 连续 3 天在怡保苏丹阿兹兰莎圆形广场举行, 活动主题“未来粮食安全”。

预计 3 天的活动将共有 35 万人次参与其盛,

而首相拿督斯里安华订于本周六 (11 日) 下午 1 时 30 分为该活动主持开幕。

农业及粮食安全部在另一份文告指出, 活动项目包括昌明农业大型市集 (Mega Agro MADANI) 促销活动。

Agrobank lancar Penjaja Cashless

KUALA LUMPUR: Agrobank memperuntukan RM3 juta bagi melaksanakan program Penjaja Cashless dengan sasaran 10,000 penjaja di seluruh negara menyertai inisiatif berkenaan menjelang akhir tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, inisiatif itu yang dimulakan pada 1 Ogos lalu, bertujuan mendedahkan penjaja kecil untuk melakukan transaksi sifar tunai selaras dengan seruan Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau berkata, sehingga kini hampir 200 penjaja di sekitar Kuala Lumpur menyertai inisiatif itu yang diadakan bagi memudahkan pelanggan dan penjaja yang terlibat dalam pengurusan kewangan dengan lebih efisien.



TENGGU Ahmad Bazli Shah Raja Hussin (dua, kanan) melancarkan program Penjaja Cashless Agrobank di Kuala Lumpur, semalam.

Jelasnya, tiada cas tambahan akan dikenakan kepada penjaja yang menggunakan kemuda-

han Penjaja Cashless melalui QR DuitNow.

“Sebelum ini kami telah me-

ngadakan program ‘cashless’ di beberapa negeri antaranya Kampong Cashless di Ulu Tembeling Pahang, Penjaja Cashless di Pelangai Pahang, Komuniti Cashless di Daro Sarawak, Penjaja Cashless Pasar Malam Api-Api, Kota Kinabalu dan Sabah,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran program itu kawasan penjaja di Jalan Tengah di sini, semalam.

Bagi menggalakkan penjaja kecil menyertai program itu, Agrobank telah menyumbangkan kanopi percuma untuk membantu mereka mengurangkan kos operasi.

Agrobank turut merancang meluaskan perkhidmatan itu ke Sik, Kedah pada bulan hadapan dan projek mega AgroBank Cashless Pekan Sehari Temerloh Pahang, simbolik program Cashless AgroBank peringkat kebangsaan.

Kambing Thailand jejas pasaran tempatan

Kuala Terengganu: Lambakan kambing murah dari Thailand, yang dijual secara bertelusa dalam pasaran ketika ini, menyebabkan permintaan terhadap ternakan tempatan itu menurun.

Ramai penternak di negeri ini merungut kerana kambing kampung yang diimport mereka kini tidak lagi menjadi pilihan pelanggan.

Kambing kampung yang sebelum ini dijual mengikut harga pasaran iaitu RM800 hingga RM1,200 seekor tidak terjual kerana pelanggan cenderung mem-rana kambing import yang dijual pada harga RM100 hingga RM250 seekor tanpa sebarang kawalan.

Penternak, Mohd Syukur Khamis, 18, dari Kampung Banggol Katong, berkata permintaan terhadap kambing tempatan yang diimport semakin menurun sejak memasukan kambing import dari Thailand.

"Lapan daripada 45 ekor kambing yang cukup umur yang sedia untuk dijual, tidak laku malah tiada siapa yang bertanya mengenai-nya.

"Hal itu kerana semua pelanggan yang sebelum ini membeli kambing tempatan semuanya berpaling kepada kambing import yang dijual murah.

"Penjualan kambing import pada harga yang sangat murah dan tidak terkawal secara tidak langsung membunuh pasaran kambing tempatan," katanya ketika ditemui di kandang ter-
 (Foto Ahmad Rabiul Zulkifli / BH)



Mohd Syukur memberi makan kambing ketika ditemui di Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu.

kannya di sini, semalam.

Syukur berkata, beliau memperuntukkan RM700 seminggu untuk membilayai makanan ternakan kambing.

Khamis Jusoh, 67, menternak kambing sejak 20 tahun lalu dan sepanjang tempoh itu permintaan kambing sentiasa ada biarpun harga kambing kampung turut meningkat.

"20 tahun lalu memang harga kambing murah iaitu RM250 hingga RM400 seekor; tetapi kerana harga sudah meningkat akibat permintaan kambing import dari Thailand sudah menguasai pas-

aran kambing di negeri ini. "Jika ikutkan hati, kami ingin jual kambing tempatan itu dengan harga yang murah seperti harga kambing import tetapi kami akan rugi," katanya.

Beliau berkata, dia berharap pihak bertanggungjawab prihatin dengan masalah yang dialami penternak kambing tempatan dengan mengawal memasukan dan jualan secara bebas kambing import di pasaran.

Sementara itu, Naib Pengerusi Persatuan Penternak Kambing Terengganu (TGP) Zamroh Yusof, mengakui kambing import dari Thailand sudah menguasai pas-

aran kambing di negeri ini. "Semua penternak kambing tempatan mengeluh dan terkesan dengan kemasukan kambing import yang dijual dengan harga yang sangat murah dan tanpa kawalan.

"Fenomena itu menyebabkan kegiatan penternakan kambing tempatan bakal berkubur kerana ternakan mereka tidak terjual.

"Lebih buruk apabila harga dedak kambing yang semakin tinggi juga menyebabkan penternak tempatan tersepit dan tidak mampu lagi meneruskan penternakan," katanya.

10/11/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

18

Oleh Ahmad Rabiul
Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Lambakan kambing murah dari Thailand yang dijual secara berleluasa di pasaran menyebabkan permintaan terhadap kambing tempatan merosot sekali gus menjejaskan pendapatan penternak.

Kedadaan itu menyebabkan ramal penternak kambing di negeri ini merungut kerana kambing tempatan tidak menjadi pilihan lagi.

Jika sebelum ini kambing tempatan boleh dijual antara RM800 hingga RM1,200 seekor mengikut pasaran, tetapi pelanggan memilih membeli kambing import dijual pada harga RM100 hingga RM250 seekor.

Penternak, Mohd Syukur Khamis, 18, dari Kampung Banggol Katong, di sini, berkata, permintaan terhadap kambing tempatan semakin menurun sejak memasukkan kambing import dari Thailand.

"Japan daripada 45 ekor kambing saya yang cukup umur dan sedia dijual tidak laku, malah tiada siapa bertanya mengenainya.

"Hal itu kerana semua



MOHD SYUKUR BERSAMA KAMBING TERMAKNYA YANG TIDAK LAKU DIJUAL. - GAMBAR NSTP/AHMAD RABIUL ZULKIFLI

Kambing Thai **RM250** seekor 'kacau' pasaran

Penternak tempatan merungut permintaan ternakan merosot

pelanggan beralih kepada kambing import yang dijual murah.

"Perbuatan menjual kambing import dengan harga murah dan tidak terkawal secara tidak langsung membunuh pasaran kambing tempatan," katanya.

Bapa Mohd Syukur, Khamis Jusoh, 67, yang menternak kambing sejak 20 tahun lalu berkata, ketika itu permintaan kambing tempatan meningkat biarpun harganya tinggi.

"Kira-kira 20 tahun lalu memang harga kambing murah iaitu RM250 hingga RM400 seekor tetapi sekarang harga meningkat kerana harga makanan atau dedak turut meningkat.

"Jika ikutkan hati, kami ingin jual kambing tempatan dengan harga murah seperti harga kambing import, tetapi kami akan rugi," katanya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Persatuan Penternak Kambing Terengganu (TGH) Zamroh Yusof berkata, kambing import dari Thailand sudah menguasai pasaran di negeri ini.

"Justeru, saya berharap pihak bertanggungjawab membantu menyelesaikan masalah itu dengan mengawal kemasukan kambing import," katanya.

10/11/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Tanah jerlus, petani dakwa rugi RM100,000 padi gagal dituai

TUMPAT: Kira-kira 30 petani dari Kampung Kajang Sebidang dan Teluk Jering di sini mendakwa kerugian lebih RM100,000 apabila padi yang sudah masak tidak dapat dituai ekoran masalah tanah jerlus.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kerja-kerja menuai padi di kawasan seluas 40 hektar itu tergendala selepas jentera menuai 'tersangkut' di dalam tanah jerlus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohamad Endut, 75, mendakwa, ekoran masalah itu, hanya dua daripada empat hektar kawasan padi yang diusahakannya dapat dituai dan selebihnya terpaksa dibiarkan begitu sahaja.

Dakwanya lagi, masalah itu berlaku disebabkan petak sawah masih digenangi air ekoran kegagalan sistem pengairan.

"Sepatutnya tanah sawah kering kerana musim menuai, tetapi disebabkan oleh pintu air tidak berfungsi dengan baik, air tidak dapat mengalir keluar.

"Pada masa sama, kami petani disini turut berdepan dengan masalah air pasang, juga menyebabkan air sungai masuk ke dalam petak sawah semasa padi sudah masak," katanya.

Mohamad memberitahu, masalah itu menyebabkan dia terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM15,000.

Seorang lagi pesawah, Abdulah Othman, 55 berkata, sebelum ini, kerja menuai padi dapat diselesaikan dalam tempoh dua jam bagi keluasan satu hektar.

Katanya, disebabkan masalah itu, proses menuai padi mengambil masa empat hari bagi keluasan yang sama.

"Sudah tiga hari jentera menuai padi tersadai dalam tanah jerlus. Ini bukan kali pertama, malah ia sudah berlarutan sebanyak 10 kali.

"Situasi itu menyebabkan jentera menuai terpaksa ditarik dengan jengkaut sekali gus mengganggu kerja-kerja menuai," ujarnya.



JENGAUT terpaksa digunakan untuk menarik jentera menuai padi selepas tersangkut di dalam tanah jerlus sekali gus mengganggu kerja-kerja menuai di Kampung Kajang Sebidang, Tumpat, Kelantan.

- UTUSAN/ROHANA ISMAIL

10/11/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31



ISU benih padi terus menghantui pesawah di Perlis dan Kedah dan jika ia berterusan kemungkinan mereka tidak akan menanam padi musim ini.

Pesawah mungkin tidak tanam padi

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Para pesawah di negeri ini bimbang kemungkinan besar mereka tidak dapat menanam padi musim ini berikutan isu kelewatan dan ketiadaan bekalan benih yang masih belum ada tanda-tanda untuk selesai.

Kebimbangan tersebut juga dirasai puluhan ribu lagi pesawah di Kedah yang ketika ini hanya sekitar 10.1 peratus sahaja dapat memulakan tanaman sedangkan musim kedua tanaman padi sudah bermula akhir Sep-

tember lalu.

Mereka yang sudah lewat jadual penanaman juga bakal berdepan risiko jika masalah kelewatan tersebut terus berlarutan memandangkan bakal bertembung musim kemarau Disember ini.

Malah, kelewatan tersebut bakal menyebabkan hasil pesawah yang kelaziman sekitar lima hingga enam tan metrik per hektar jika mengikut jadual tanam sebetulnya bakal menyusut lebih 50 peratus iaitu antara dua ke tiga tan metrik sekali gus menyebabkan golo-

ngan berkenaan menanggung kerugian.

Dilema itu dihadapi 15,960 pesawah di negeri ini dan puluhan ribu lagi pesawah di Kedah yang hampir 90 peratus khususnya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih gagal mendapatkan bekalan benih.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah yang sudah 40 tahun mengusahakan tanaman padi, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, kelewatan penanaman padi bakal menyebabkan hasil menyusut lebih separuh disebabkan pelbagai risiko.

Katanya, kelaziman jika tanam mengikut jadual, dia mampu menghasilkan lima seringga enam tan padi per hektar dan berkemungkinan menyusut sehingga separuh antara dua ke tiga tan metrik sahaja jika tanaman tidak mengikut jadual ditetapkan yang sepatutnya bermula pada akhir September lalu.

Malah, katanya, isu kelewatan tanam juga mengalami kerugian sekitar RM2,000 per hektar.

“Lebih mensaukan, besar kemungkinan musim ini pesawah tidak dapat menanam padi kerana sudah memasuki perte-

ngahan November, benih masih tidak ada. Masih ramai pesawah yang tidak dapat memulakan tanam.

“Apabila memasuki Disember, sudah musim kemarau yang tanam padi memerlukan air 90 sehingga 95 hari. Masalah bekalan benih padi dilihat paling teruk. Jika sebelum ini, paling lewat sebulan, sekarang sudah masuk dua bulan,” katanya.

Kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam kawasan MADA gagal mendapatkan bekalan benih padi sah. (BPS).

Headline	Wee Ka Siong: Johor chicken breeding farm owners yet to obtain subsidy		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	10 Nov 2023	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,075



魏家祥：影响现金周转

柔养鸡业者未获补贴

(吉隆坡 9 日讯) 马华总会长拿督斯里魏家祥博士表示，柔佛州养鸡业者自 2022 年 7 月以来一直没有获得任何补贴，影响了养鸡业者的现金周转。

他在脸书贴文说，本身曾于今年 2 月在国会下议院辩论元首御词时在农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布面前提起了此事，而实际上在大约 4 个月前，他在一项莫哈末沙布与国会议员的汇报会上，提交了养鸡业者的相关投诉。

“尽管如此，柔佛州养鸡业者至今还未收到补贴。”

也是亚依淡国会议员的魏家祥说昨天在国会，于农业及粮食安全部副部



魏家祥：柔佛州养鸡业者至今还未收到补贴。

长拿督陈泓縵于 2024 年财政预算案委员会阶段进行部门总结时，反映上述问题。

他也要求国会下议院关注反贪会逮捕巴生谷养鸡业者协会主席的案件，该主席涉嫌向部门官员行贿，以加快申请鸡肉和鸡



柔佛州养鸡业者未获补贴，影响现金周转。(档案照)

蛋补贴。

“我希望这不会成为一种不良文化。”

此外，他还呼吁政府放宽建设封闭式农场的条

件，以便让中小养鸡业者有机会继续经营，因为其成本高达 1000 万令吉，并非所有业者都有能力遵守这一条件。

“毕竟，3 万到 5 万只鸡规模的中小养鸡业者不少，他们的存在可以确保鸡和蛋的供应充足。”

Headline	Pontian fishermen showcase their lifestyle to earn extra income		
MediaTitle	The Star		
Date	10 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	5	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	358 cm ²
Journalist	REMAR NORDIN	AdValue	RM 18,086
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,258



By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

COCKLE fishermen in Pulau Sebatang, Pontian, have banded together to turn their village into an eco-tourism destination to generate extra income.

Ismail Mohd Hassan said the idea came after the group made a working visit to Batam, Indonesia last year to see how traditional fishermen generate side income during the monsoon season.

"We went to Tanjung Pinang and Tanjung Balai.

"During those visits, we were taught how the fishing community there created a system to showcase to tourists their lifestyle and day-to-day activities as sea fishermen.

"The initial idea was to make the mangrove forest in Pulau Sebatang similar to Kukup National Park, where people would pay a ferry fee and walk around the mangrove area.

"But that would have hurt the boatmen's income, so we decided to adapt what we learned during our visit to Indonesia," he said.

Ismail added that Pontian District Council had approved the idea and allocated RM150,000 to upgrade the jetty and stations at Sungai Pulau Sebatang and the mangrove area.

"All of us are fishermen under the MyKomuniti Perikanan

Pontian fishermen showcase their lifestyle to earn extra income



Ismail says the group was inspired by efforts of fishing villages in Batam, Indonesia.

(MyKP), but to manage this new venture, we decided to create an association called My Kerang Pulau Sebatang.

"We started with a simple river tour last January.

"For a minimum payment of RM55, visitors are taken on a cruise along the 1km river to see the ecosystem there.

"They are then taken to the mangrove forest and shown how fishermen collect mangrove snails and mudcrabs.

"The trip continues to the Pulau



Visitors being taken to see how cockles are harvested at Pulau Sebatang rivermouth in Pontian.

Sebatang shoreline where we demonstrate how cockles are harvested before returning to the jetty to show them the cockle-sorting process."

Ismail, who is also association chairman, said work to upgrade the jetty was 80% complete.

"We expect to be fully operational by first quarter of next year.

"At the moment, we are accepting bookings and working

to determine the best travel times as the river can only be accessed by an engine-powered boat during high-tide.

"At low tide, we recommend guests go kayaking instead," he said, adding that such activities would also be led by local fishermen.

He said the programme was supported by Johor Fisheries Department and the state government.

Headline	Chicken prices dropped however sales not up
MediaTitle	China Press
Date	10 Nov 2023
Section	Central
Page No	C1
Language	Chinese
Journalist	N/A
Frequency	Daily
Color	Full Color
Circulation	127,822
Readership	383,466
ArticleSize	1739 cm ²
AdValue	RM 34,303
PR Value	RM 102,909

最低每公斤7令吉69仙



■鸡只价格一目了然，避免引起争议。

肉雞跌價 銷量沒增



實整隻雞較便宜

一些商家因每天來客量多，每天銷物量大，售賣以購量計算，買得越多，價格就越便宜。上述銷路等也出現買1至4斤，比3斤或30只肉雞等，價格皆不同。

■如果顧客是買大隻只肉雞，價格就會較便宜。

他指出，如果顧客有要求，他們都會為顧客把整只肉雞“砍件”。他們說，如果顧客是買大隻只肉雞，價格就會較便宜。

但如果是指定某部位，尤其是雞腿或雞翼，價格就會比較低，但各部位的價格皆不同。



■不同商販售賣的雞只價格相差不大。



！指定某部位如雞腳，價格則按重量計算。



■如果是指定某部位，尤其雞腿或雞翼，價格就比較低。

供應穩定

(吉隆坡9日訊) 儘管肉雞價格自由浮動以來，售價有所下跌，但未來銷量。目前肉雞價格介乎每斤7令吉69仙、10令吉30仙至11令吉不等。

■供應穩定

其中，有部分批發的肉雞價格是每斤4令吉50仙至9令吉。

目前，價格穩定的是不同部位的肉，例如雞腿、雞翼、雞皮或雞胸等。

他指出，如今肉雞每天運到市場的量都穩定，供應量充足，沒有出現供應不足的情況。

他說，由於部分小販的肉雞來源不多，兼價格也較高，加上租金、工人薪金等，售價也較高。

超市量大可獲低價供應

由負責人廖先生說，最近數日，來自郊區的肉雞價格都有下降的情況，但供應量充足。

他說，其超市是以量為主，因此可獲得肉雞價格便宜。他指，如果顧客是買1至4斤肉雞，每斤的價格是9令吉40仙。

如果顧客是買5斤以上，每斤的價格是8令吉20仙。他說，他們的顧客所買肉雞的數量都是數十斤至100斤不等，因此小販和批發商等。

他說，顧客如有要求的話，他們也會增加“砍件”，並沒有另外收費。

“如果顧客買的是數十斤或幾百斤，我們都是用機器切割。”

林欽喜：各地區肉雞不同價

半

山巴轄小販小業主陳欽喜說，該巴轄肉雞售價是每斤9令吉50仙至9令吉不等。

他說，隨著肉雞價格取消，如今肉雞的價格也出現浮動，各地區的肉雞價格都有不同，形成市場價格有別。

他指出，即使是山巴轄，每磅肉雞價格也各有不同，周三價格是8令吉50仙至9令吉。

他說，目前肉雞銷量穩定，但每日銷量一般，沒出現大幅增加的情況。

“最近市場銷量，巴轄人滿不多，即使肉雞價格比之價便宜，也不見銷量增加。”

肉雞價自由浮動沒影響 小販吸納成本穩住客源

廖廷達

（麻坡9日訊）政府實行肉雞自由浮動後，每日價格介乎數十令吉上下浮動，肉雞小販選擇自行吸納成本，肉雞售價價格下跌時吸納低價，價格上漲時也不會提高售價，以保持穩定的客源。

農業及食品產業部長廖廷達在麻坡沙登沙在11月1日起正式生效。

《中國報》記者陳曉花隨廖廷達在麻坡沙登沙小販，在實行肉雞價格自由浮動一週以

銷量穩定

“肉雞價格下跌，我們並沒有跟著降低售價，因此在售價價格上漲時，我們就自行吸納。”

他指出，最重要的是穩定自己的顧客群，讓他們是買肉雞，所以肉雞價格自由浮動，對小販生意沒有太大影響。



■政府實行肉雞價格自由浮動，肉雞小販每天運到市場的貨源都依然依市場價格，但小販自行吸納成本，以保持穩定的客源。

仍按舊價出售

◆李先生(肉雞小販)

實。肉雞價格自由浮動，每天的售價都依實。肉雞價格自由浮動，但我們都是依照以往出售肉雞，這樣客群才能穩定。

有肉雞價格自由浮動一週以來，每公斤的價格曾下跌30%，我們並沒有隨之降低售價，不過在貨源充足時，我們都自行吸納成本。雖然價錢即時降低，但沒有影響到早市的肉雞銷售，因為社會都習慣在超市買肉雞，甚少光顧我們。

沒有印裔客源

◆廖先生(肉雞小販)

印裔客群的生意。雖然肉雞價格自由浮動，對我的生意沒有太大影響，我就到別家，也沒有為我們帶來



廖廷達

廖廷達